

29 NOV 2002

Sukan-Skuasy

SRAM LETAK SASARAN LAPAN TERBAIK PADA KEJOHANAN REMAJA DUNIA

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Tanpa pemain bertaraf bintang, Persatuan Skuasy Raket Malaysia (SRAM) sekadar meletakkan sasaran untuk berada dalam kelompok lapan terbaik pada Kejohanan Skuasy Remaja Lelaki Dunia di Chennai, India bulan depan.

Presiden SRAM Datuk Mokhzani Mahathir berkata sasaran kedudukan lapan terbaik itu adalah bagi kedua-dua kategori yang disertai iaitu individu dan berpasukan.

"Saya akan berpuashati sekiranya pasukan kita berada dalam lapan pasukan terbaik untuk kategori individu dan juga berpasukan," katanya selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada skuad negara di sini hari ini.

Kejohanan itu akan berlangsung dari 3 hingga 14 Dis ini.

Skuad bimbingan Allan McCulloch itu terdiri daripada Timothy Arnold, Wong Kim Lee, Mohd Nafzahizam Mohd Adnan, Mohd Shahril Shahidan, Mohd Nafiizwan Mohd Adnan dan Kapil Nesan.

Dalam acara berpasukan, skuad negara diundi bersama Pakistan, Switzerland dan New Zealand dalam Kumpulan C.

Pasukan lain termasuk England, Kanada, Mexico, Zimbabwe, Mesir, Wales, Amerika Syarikat, Ireland, Australia, Belanda, Scotland dan India.

Pemain nombor satu negara, Ong Beng Hee muncul juara pada kejohanan itu pada tahun 1998.

Pada tahun 1994, Kenneth Low menempatkan diri dalam kelompok 16 pemain terbaik manakala Mohd Azlan Iskandar berjaya mara ke peringkat suku akhir pada kejohanan itu, dua tahun lepas.

Sementara itu, Mokhzani berkata mesyuarat agung tahunan (AGM) SRAM akan diadakan pada 22 Disember ini.

Katanya, antara agenda utama yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu ialah membincangkan tentang perancangan SRAM untuk masa depan kerana ada di kalangan anggota gabungan yang tidak aktif sebelum ini.

"Saya tidak mahu umumkan negeri mana yang kurang aktif tetapi kalau kita lihat (sama ada melahirkan pemain atau menganjurkan kejohanan), hanya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor dan Sarawak sahaja," katanya.

-- BERNAMA

ERE RZS MOZ